



PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU (PPG)

**KELOLAAN PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN,
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

PERATURAN DAN SYARAT KEMASUKAN SIDANG AKADEMIK 2011/2012

*Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
14 Mac 2011*

**PERATURAN DAN SYARAT KEMASUKAN
PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU SIDANG AKADEMIK 2011/2012**

1. Dokumen-dokumen (Semasa Pendaftaran)

Tuan/puan dikehendaki membawa dokumen salinan asal dan salinan yang disahkan semasa pendaftaran. Dokumen-dokumen adalah seperti berikut:

- a) Kad Pengenalan dan (Sijil Kelahiran bagi pelajar Negeri Sabah sahaja) **[Asal]**
- b) Sijil /Skrol Diploma Perguruan **[Asal]**
- c) Surat Lantikan Jawatan Guru **[Asal]**
- d) Surat Sah Jawatan Guru **[Asal]**
- e) Salinan Kad Pengenalan dan (Sijil kelahiran bagi pelajar Negeri Sabah sahaja **[yang telah disahkan]**)
- f) Salinan sijil/skrol Diploma Perguruan **[yang telah disahkan]**
- g) Salinan Surat Lantikan Jawatan Guru **[yang telah disahkan]**
- h) Salinan Surat Sah Jawatan Guru **[yang telah disahkan]**
- i) Surat Tawaran cetakan dari laman web
- j) Borang Pendaftaran Pelajar Baru PPG **[Lengkap diisi]**
- k) Borang Pendaftaran Kad Matrik [bagi pelajar-pelajar berpusat di Universiti Sains Malaysia (induk) sahaja. **[Lengkap diisi]**
- l) Yuran Pendaftaran RM 150.00 (Wang Pos/Kiriman Wang **sahaja**)
- m) Gambar bersaiz passport yang telah dilekatkan pada Borang Pendaftaran PPG

Kesemua dokumen tersebut di atas perlu dibawa semasa pendaftaran. Semua salinan dokumen perlu disah dan diserahkan di kaunter pendaftaran.

2. Yuran Pendaftaran

Semua Pelajar dikenakan yuran pendaftaran sebanyak **RM150.00**. Bayaran ini hendaklah disediakan dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang **sahaja** kepada atas nama USAINS Holding Sdn. Bhd. Sila tulis nama dan no. kad pengenalan dibelakang wang pos/kiriman pos tersebut.

3. Kad Matrik [Kad Afiliasi Pelajar]

Pihak Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia akan mengeluarkan kad matrik kepada semua pelajar dibawah Program ini. Buat sementara ini, pihak PPIP akan mengeluarkan kad matrik tersebut kepada pelajar-pelajar yang menjalani kelas/tutorial di USM [induk] sahaja. Pelajar-pelajar yang terlibat akan dimaklumkan tarikh dan masa untuk sesi foto.

Pelajar yang dibekalkan kad matrik ini adalah tertakluk kepada peraturan Universiti Sains Malaysia. USM berhak untuk menarik balik kad matrik sekiranya pihak USM mendapati kad matrik ini disalahgunakan. Kad matrik hendaklah dipakai bersama "neck lect" serta digantung di leher dan sentiasa dibawa untuk dikenali serta pemeriksaan oleh pihak berkuasa Universiti. Sebarang kehilangan/keciciran perlu melaporkan kepada

Jabatan Keselamatan dengan kadar segera. Kad ini tidak boleh bertukar tangan/dipinjamkan kepada mana-mana individu bagi menggunakan kemudahan Universiti. Pihak USM akan mengenakan caj seperti berikut:

- a) Kehilangan/Kerosakan : RM60.00
- b) Lanjutan Tempoh: RM10.00

Tempoh sah laku kad matrik bagi pelajar-pelajar Program Pensiswazahan Guru adalah 4 tahun.

4. Maklumat Am

a) Etika Pakaian

Setiap pelajar Program Pensiswazahan Guru hendaklah berpakaian yang sesuai sebagai seorang pelajar; iaitu kemas dan bersopan. Fesyen rambut yang diwarnakan tidak dibenarkan bagi pelajar lelaki dan juga perempuan. Rambut panjang tidak dibenarkan bagi pelajar lelaki. Pelajar lelaki dilarang memakai subang atau menidik telinga. Etika pakaian ini digunapakai seperti berikut:

i) Kuliah/Tutorial

- Pakaian Kemas:
- i) Kemeja Berkolar Lengan pendek/panjang
 - ii) Seluar "Slack" (seluar jeans tidak dibenarkan)
 - iii) Jaket yang sesuai
 - iv) Pakaian "Mini skirt" tidak dibenarkan
 - v) Pakaian "sexy" tidak dibenarkan

b) Semasa Memasuki Kampus

Pelajar perlu menunjukkan kad matrik kepada Pegawai Keslamatan. Semua pelajar dibawah Program Pensiswazahan Guru tidak akan dibekalkan pelekat kenderaan.

oooOooo